

# PENGGUNAAN HUKUMAN FIZIKAL DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK

Kamarul Azmi Jasmi <sup>1</sup>  
Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

<sup>2</sup> Sek. Men. Pandan Indah, Kuala Lumpur, fuzie81@gmail.com

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani (2008). Penggunaan Hukuman Fizikal dalam Pendidikan Anak-anak in 1st National Seminar on Child Law 2008 (NCCL 08) pada 13hb. Julai 2008 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu anjuran Faculty Of Law & International Relations, UDM.

## ABSTRAK

Penggunaan hukuman fizikal untuk mendidik anak-anak daripada perbuatan yang melencong dari ajaran agama, akhlak, keperibadian dan larangan beragama adalah digalakkan dalam ajaran Islam. Namun begitu, hukuman fizikal ini perlu mempunyai peraturan dan peringkatnya untuk dilaksanakan oleh ibu bapa dan pendidik supaya tujuan hukuman fizikal tersebut tidak tersasar daripada matlamat pendidikan yang dikehendaki dalam ajaran Islam. Kertas kerja ini cuba membincangkan kepentingan penggunaan hukuman fizikal serta peraturan-peraturan yang sepatutnya dilaksanakan dalam hukuman fizikal tersebut dalam mendidik anak-anak.

## REFERENCES

- 'Abd al-Rahman, Jamal. 2007. *Atfal al-Muslimin: Kaifa Rabbahum al-Nabiy al-Amin*. Beirut: Dar Tayyibah al-Hadra'.
- Abu Dawud, Sulaiman. 1994. *Sunan Abi Dawud*. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad, Hambal. 1994. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Jld. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Amir, Najib Khalid. 1990. *Min Asalib al-Rasul fi al-Tarbiyyah*. Kuwait: Maktabah al-Busyrh al-Islamiyyah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 1994. *Sahih al-Bukhari*. 'Abd al-Aziz 'Abdullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Dimas, Muhammad Rashid. 1999. *Siyasah Tarbiyyah Khasi'ah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2007. *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Malik, Anas. 1991. *Muwatta' al-Imam Malik*. Taqy Al-Din Al-Nadwi (Ed.). Jld. 1-3. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Marsa, Muhammad Sa'id. 1998. *Fann Tarbiyyah fi al-Islam*. Jeddah: Maktabah al-Ma'mun.
- Muslim, Abu al-Husayn. 2001. *Sahih Muslim*. Jld. 1-2. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Sawir, Muhammad Nur. 1999. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyah li al-Tifl ma'a Namadhuji Tatbiqiyah min Hayat al-Salaf al-Salih*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Utusan Malaysia, Online. 2004, 25.07.2007. Kes Bunuh Anak Disebut di Mahkamah Tinggi 4 Ogos. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_02.htm&arc=hive), [21.06.2008]
- Utusan Malaysia, Online. 2007a, 25.07.2007. 3,972 Kes Dera Kanak-kanak. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0725&pub=utusan\\_malaysia&sec=parlimen&pg=pa\\_03.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0725&pub=utusan_malaysia&sec=parlimen&pg=pa_03.htm&arc=hive), [21.06.2008]
- Utusan Malaysia, Online. 2007b, 16.07.2007. Dera Anak: Penarik Kereta Dipenjara 2 Tahun. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_02.htm&arc=hive), [21.06.2008]
- Utusan Malaysia, Online. 2007c, 11.07.2007. Ibu Dera Anak Dipenjara Lapan Tahun Tiga Bulan. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0711&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_09.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0711&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_09.htm&arc=hive), [21.06.2008]
- Utusan Malaysia, Online. 2008, 01.01.2008. Pemandu Teksi Disyaki Dera Anak Direman 5 Hari. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0101&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_01.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0101&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_01.htm&arc=hive), [21.06.2008]

# PENGGUNAAN HUKUMAN FIZIKAL DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK\*

Kamarul Azmi bin Jasmi  
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia

Siti Fauziyani bt. Md. Saleh @ Masrom  
Sek. Men. Pandan Indah, Kuala Lumpur

## Abstrak

*Penggunaan hukuman fizikal untuk mendidik anak-anak daripada perbuatan yang melencong dari ajaran agama, akhlak, keperibadian dan larangan beragama adalah digalakkan dalam ajaran Islam. Namun begitu, hukuman fizikal ini perlu mempunyai peraturan dan peringkatnya untuk dilaksanakan oleh ibu bapa dan pendidik supaya tujuan hukuman fizikal tersebut tidak tersasar daripada matlamat pendidikan yang dikehendaki dalam ajaran Islam. Kertas kerja ini cuba membincangkan kepentingan penggunaan hukuman fizikal serta peraturan-peraturan yang sepatutnya dilaksanakan dalam hukuman fizikal tersebut dalam mendidik anak-anak.*

## PENGENALAN

Islam tidak menghalang penggunaan hukuman berbentuk hukuman fizikal dalam mendidik anak-anak. Malah dalam sesetengah keadaan, jika kaedah psikologi dan nasihat tidak berkesan dalam beberapa tempoh, hukuman berbentuk fizikal adalah pilihan terakhir yang disyariatkan Islam. Maksud daripada hukuman fizikal ialah mengenakan hukuman ke atas anak dengan menggunakan rotan atau cambuk (Jasmi, 2002).

Namun, penggunaan kekerasan berbentuk fizikal yang digalakkan ini mempunyai kaedah dan syarat yang khusus agar tujuan pendidikan itu akan tercapai. Suruhan penggunaan kekerasan yang berbentuk fizikal ini pernah disebut dalam sebuah hadis, iaitu (Abu Dawud, 1994: 418; Ahmad, 1994: 6402):

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَرُّوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرَّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.

*Terjemahan: Daripada 'Amr bin Shu'ib katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Suruhlah anak-anakmu melakukan solat ketika mereka berumur tujuh tahun. Kemudian pukullah mereka untuk melakukan solat sekiranya mereka berumur sepuluh tahun (masih belum bersolat). Dan pisahkan tempat tidur di antara mereka pada ketika itu."*

(Abu Dawud dan Ahmad)

---

\* Kertas kerja ini untuk dibentangkan dalam 1st National Seminar on Child Law 2008 (NCCL 08) pada 13hb. Julai 2008 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu anjuran Faculty Of Law & International Relations, UDM

Berdasarkan hadis ini, penggunaan *wadribuhum* jelas menunjukkan penggunaan sesuatu seperti rotan atau cambuk adalah untuk memukul. Kepentingan melaksanakan hukuman fizikal berdasarkan hadis ini sahaja sudah jelas, iaitu untuk menegakkan agama dalam diri anak-anak agar tunduk kepada peraturan agama dengan melakukan solat dan menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang mungkar dan aib. Hal ini berkait rapat dengan firman Allah SWT yang menjelaskan:

اٰتْلُ مَا اُوْحِيَ اِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَاَقِمِ الصَّلَاةَ ۗ اِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ  
وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ ۗ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ ﴿٤٥﴾

*Terjemahan: Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnyanya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah SWT mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

(Surah al-'Ankabut, 29:45)

Ayat ini menegaskan tentang perintah Allah SWT untuk mendirikan solat supaya anak-anak tercegah daripada perkara *fahsha'* dan *mungkar*. Malahan perintah ini berkait rapat dengan perintah Nabi bagi anak yang sudah berusia sepuluh tahun dan masih lagi tidak solat, maka perlulah dipukul agar kepentingan daripada solat ini dapat terjamin kepada anak-anak (Jasmi & Md Salleh, 2007).

Berdasarkan hadis ini juga, penggunaan hukuman fizikal boleh dikiasikan dengan perkara agama yang lain bertujuan untuk menegakkan agama dalam diri anak-anak. Rasulullah SAW dilaporkan ada bersabda (Muslim, 2001: 4296):

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ مَا ضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ شَيْئًا قَطُّ بِيَدِهِ وَلَا امْرَأَةً وَلَا خَادِمًا إِلَّا أَنْ  
يُجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

*Maksud: 'A'shab RA berkata bahawa Rasulullah SAW tidak pernah sesekali memukul seseorangpun dengan tangannya dan kepada wanita (isterinya atau wanita lain) serta khadamnya melainkan untuk berjihad di jalan Allah (menegakkan agama Allah SWT).*

(Muslim)

Berdasarkan hadis ini, jelas menunjukkan bahawa bagi Nabi SAW sama sekali tidak akan memukul sesiapaupun melainkan atas niat dan tujuan untuk menegakkan agama Allah. Di sini menunjukkan peri penting penggunaan hukuman fizikal untuk menegakkan agama jika penggunaan hukuman itu sesuai dan diperlukan. Rasulullah SAW juga menegaskan penggunaan cambuk untuk membina sahsiah dan adab anak. Satu hadis (Al-Tabrani, 1995: 4382; 1994: 10669)

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «عَلِّقُوا السَّوْطَ حَيْثُ يَرَاهُ أَهْلُ الْبَيْتِ، فَإِنَّهُ لَهُمْ أَدَبٌ»

*Maksud: Ibn 'Abbas RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Gantungkan cambut (di rumah) agar dapat dilihat oleh ahli rumahmu (anak-anakmu) kerana sesungguhnya perbuatan ini akan mendidik mereka."*

(Al-Tabrani)

Hadis ini menunjukkan bagaimana peranan ibu bapa dan pendidik dalam mendidik anak-anak dengan menimbulkan rasa takut terhadap perbuatan yang menyimpang daripada jalan yang lurus dengan menggantung cambut di tempat yang boleh dilihat oleh anak-anak, supaya setiap kali mereka melihatnya mereka akan beringat (Sawir, 1999: 192; Marsa, 1998: 113). Setelah sampai satu tahap, selepas nasihat dan pesanan tentang sesuatu perbuatan yang menyimpang tidak diendahkan, ibu bapa dan pendidik boleh menggunakan alat rotan atau cambuk dengan syarat tertentu, dan kemudian meletakkannya kembali di tempat yang boleh dilihat sebagai satu peringatan. Namun begitu, penggunaan rotan dan cambuk dalam pendidikan Islam merupakan pilihan terakhir selepas beberapa aspek hukuman lain diambil kira.

### **PELAKSANAAN BEBERAPA PERKARA SEBELUM HUKUMAN FIZIKAL**

Pelaksanaan hukuman berbentuk fizikal sewajarnya menjadi pilihan hukuman yang paling akhir digunakan oleh ibu bapa dan pendidik dalam mendidik anak-anak. Namun, sebelum hukuman fizikal ini boleh dilakukan, ibu bapa dan pendidik perlu mengambil kira beberapa perkara terlebih dahulu, iaitu mengenal pasti kesalahan anak, melaksanakan hukuman bukan dalam keadaan marah, adil dalam memutuskan hukuman serta hukuman ini merupakan pilihan terakhir setelah hukuman lain tidak memberi kesan positif.

Mengenal pasti kesalahan anak memerlukan ibu bapa atau pendidik untuk memastikan bahawa kesalahan yang dilakukan itu sememangnya datang daripada anak itu dan bukannya daripada orang lain. Hal inikerana, anak-anak sememangnya mempunyai sifat menyalahkan orang lain untuk mengelakkan diri daripada menerima hukuman. Sesetengahnya pula bersifat pendendam dan pendengki. Malahan bagi sesetengah anak yang pintar berbicara, mereka akan menggunakan kepintarannya untuk menarik perhatian ibu bapa dan pendidik dan menyalahkan orang lain yang lemah dan kurang pintar berbicara. Justeru, ibu bapa dan pendidik perlu berhati-hati memberi hukuman kepada anak-anak dengan mengenal pasti terlebih dahulu kesalahan tersebut adalah datang daripada seseorang dan bukan disebabkan oleh tuduhan atau persaksian semata-mata. Apabila berlaku kesilapan dalam menghukum, ini akan menyebabkan proses pendidikan tidak berlaku kepada pesalah. Dalam masa yang sama, pendidik sendiri membuat dua kesilapan, iaitu tidak berhati-hati dalam menghukum dan melaksanakan hukuman yang tidak sepatutnya. Kesilapan ini akan memberi kesan yang amat buruk kepada anak-anak yang dihukum (Dimas, 1999).

Pendidikan anak-anak dalam Islam dalam memperbaiki kelakuan, tindakan dan perbuatan anak-anak yang menyimpang perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Bahkan hukuman secara fizikal merupakan pilihan terakhir yang hanya boleh dilaksanakan oleh ibu bapa dan pendidik terhadap sesuatu kesalahan yang bukan pertama kali dilakukan oleh mereka. Secara ringkasnya, antara hukuman yang boleh dilakukan oleh ibu bapa dan pendidik sebelum dilaksanakan hukuman berbentuk fizikal adalah (Dimas, 1999):

- (1) Menggunakan espresi muka tanda kurang setuju dengan tingkah laku yang menyimpang itu. Biasanya dilakukan terhadap anak yang belum mencapai umur mumayyiz.
- (2) Memberi nasihat dan teguran serta menyatakan sebab musabbab perbuatan dan perilaku itu adalah salah. Pada kesalahan yang pertama tanpa mengenakan hukuman fizikal kepada anak-anak. Di sini peranan motivasi amat penting untuk memberi semangat kepada anak-anak untuk bertaubat, mengelakkan diri daripada perlakuan yang menyimpang, serta memberi kecaman dan ketakutan terhadap salah laku anak itu. Salah satu cara yang baik juga adalah selalu mengingatkan anak-anak tentang Malaikat yang mencatat tingkah laku yang salah untuk diberikan hukuman di alam akhirat (Naimah Jaafar 2008). Contoh lain yang baik ialah ibu bapa atau pendidik berseloroh dengan perbuatan anak yang salah dengan berkata, "*Hah, banyak lagi chalet kosong yang boleh ditempah kat Neraka tu!*" (Ramlah Idris 2008).
- (3) Memberi hukuman yang berbentuk larangan melakukan aktiviti kegemaran seperti menonton rancangan kegemaran atau tidak memberikan wang saku dan sebagainya. Hukuman yang diberikan mestilah sesuai dan boleh memberi pengajaran kepada anak-anak.
- (4) Setelah anak faham tentang kesalahan sesuatu perbuatan, manakala ibu bapa atau pendidik telah melakukan perkara di atas dalam situasi yang sesuai, barulah ibu bapa atau pendidik boleh memberi peringatan tentang hukuman fizikal berbentuk pukulan dengan rotan atau cambuk terhadap kesalahan yang dilakukan pada masa akan datang. Biasanya pengamalan penulis dalam mendidik anak-anak, membetulkan kesalahan anak-anak ini selesai sehingga ke peringkat ini sahaja.
- (5) Hukuman rotan atau cambuk boleh digunakan dengan pensyaratan yang akan dibincangkan pada subtajuk yang seterusnya.

Sarat yang paling penting dalam melaksanakan hukuman fizikal terhadap anak-anak adalah mengelakkan daripada melaksanakan hukuman ketika marah (Al-Amir, 1990: 42; Marsa, 1998: 114). Seseorang akan hilang pertimbangan ketika marah sehingga tidak sedar bahawa tindakan yang dilakukan merupakan tindakan yang melampau. Dalam menyentuh perihal marah ini Jasmi (2007) ada menyebut:

*Tatkala diri dikuasai oleh sifat marah, kita sudah tidak mampu mengawal diri kerana pada masa itu diri kita sememangnya sudah dikuasai oleh syaitan yang sentiasa menyemarakkan lagi kemarahan. Tindakan kita pada masa itu juga sudah tidak waras. Ada pepatah menyatakan sifat ketidakwarasan ini dengan peribahasa, "marahkan nyamuk kelambu dibakar".*

(Jasmi, 2007: 142)

Dalam memperihalkan bahayanya sifat marah, Rasulullah SAW dilaporkan bersabda (Abu Dawud, 1994: 4152; Ahmad, 1994: 17302):

عَنْ عَطِيَّةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ الْعُضْبَ مِنَ الشَّيْطَانِ وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خُلِقَ مِنَ  
التَّارِ وَإِنَّمَا تُطْفَأُ التَّارُ بِالْمَاءِ فَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَتَوَضَّأْ.

*Terjemahan: 'Atiyah RA yang berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya kemarahan itu daripada syaitan. Sedangkan syaitan dicipta daripada api. Bagi memadamkan api tidak lain tidak bukan adalah dengan air. Oleh itu, apabila kamu marah kepada seseorang, hendaklah kamu berwuduk."*

*(Abu Dawud dan Ahmad)*

Jelas dalam hadis ini bahawa syaitan juga memainkan peranan yang besar ketika seseorang itu marah dengan menguasainya. Justeru, seseorang itu dilarang untuk melaksanakan hukuman berbentuk fizikal ketika marah kerana pada masa itu dia berada di bawah pengaruh syaitan. Pelaksanaan hukuman ini ketika marah akan menimbulkan penderaan yang melampau kepada anak-anak sehingga boleh menyebabkan berlakunya pembunuhan terhadap anak-anak. Peristiwa seperti ini banyak berlaku sebagaimana yang dilaporkan oleh akbar (Utusan Malaysia, 2004, 2007c, 2007b, 2008). Statistik kes dera yang juga melibatkan pukulan ketika marah boleh dilihat dalam laporan ini:

### ***3,972 Kes Dera Kanak-Kanak***

*KUALA LUMPUR 24 Julai – Sebanyak 3,972 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan berlaku dari awal tahun 2005 hingga April tahun ini, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun. Beliau berkata, menurut statistik kementerian, dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini, sebanyak 173 kes penderaan telah dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Katanya, pada tahun lalu, jumlah kanak-kanak Melayu yang didera ialah seramai 1,378 orang, India (248), Cina (219), pribumi Sarawak (102), pribumi Sabah (empat) dan pribumi Semenanjung Malaysia (satu). Kementerian mengenal pasti pelbagai punca penderaan seperti masalah disiplin, tidak mendengar cakap, selalu menangis, suspek mabuk, tekanan emosi, seks, cuai dan malas untuk belajar.*

*(Utusan Malaysia, 2007a)*

Adil juga merupakan aspek yang penting bagi ibu bapa dan pendidik dalam memutuskan hukuman. Keadilan dalam memutuskan sesuatu perbuatan itu wajar diberikan perlu mengambil kira perkara berikut (Dimas, 1999: 118-123):

- (1) Hukuman yang hendak dijatuhkan mestilah sama antara satu anak dengan satu anak yang lain bagi sesuatu kesalahan yang sama.
- (2) Tidak memutuskan hukuman terhadap perilaku atau perbuatan yang tersilap, tidak sengaja, lupa atau kerana terpaksa. Perbuatan tersilap atau tidak sengaja seperti tersandung cawan ketika makan sehingga mengakibatkan air tumpah yang biasa terjadi kepada anak-anak. Perbuatan lupa seperti lupa menutup paip air selepas membuang air kecil atau besar. Manakala perbuatan terpaksa seperti seorang anak kecil disuruh oleh abangnya untuk untuk menceroboh masuk ke rumah jirannya untuk mengambil bulu tangkis mereka yang terpelanting ke dalam kawasan rumah mereka.
- (3) Tidak memutuskan hukuman terhadap sesuatu larangan ibu bapa atau pendidik yang mempunyai kesan berakibat padanya. Hal inikerana akibat yang berlaku itu sendiri sudah dianggap sebagai hukuman kerana tidak mendengar nasihat ibu atau bapa atau pendidik. Contohnya larangan ibu kepada anak-anaknya agar tidak melompat-lompat di atas katil kerana takut terjatuh dari katil yang boleh menyebabkan kecederaan. Jika anak masih berdegil dan melompat ketika ibu tiada dan kemudian terjatuh, seorang ibu tidak seharusnya memukulnya lagi kerana anak itu sendiri telah menerima hukuman dengan

kesakitan kesan daripada terjatuh daripada katil. Apa yang seharusnya dilakukan adalah mengubati kecederaan anak dan mengingatkan kembali pesanan ibu dan menerangkan kembali sebab larangan tersebut dengan mengaitkan kecederaan yang berlaku kepada anaknya.

- (4) Tidak memutuskan hukuman terhadap sesuatu yang diluar kemampuan anak itu sendiri (Marsa, 1998: 113). Sebagai contoh anak yang mempunyai IQ yang rendah tidak seharusnya dihukum kerana gagal di dalam peperiksaan, begitu juga anak yang berpenyakit kencing malam tidak wajar dihukum kerana terkencing di tempat tidur pada waktu malam. Hal inikerana kedua-dua keadaan ini sebenarnya adalah diluar kawalan mereka untuk mengelakkannya.

Keempat-empat keadaan di atas menunjukkan betapa sesuatu hukuman fizikal yang diputuskan perlulah mengambil kira konsep keadilan. Pertimbangan perlu diambil dalam banyak segi supaya hukuman yang diputus dan dilaksanakan benar-benar mendidik anak ke arah jalan yang lurus dan bukan menjadikan anak semakin jauh daripada kebenaran.

Setelah semua perkara yang disebutkan di atas diambil kira dan diperhatikan barulah anak yang bersalah dijatuhkan hukuman dengan menggunakan rotan, cambuk, tali pinggang atau sebagainya. Namun ibu bapa dan pendidik perlu melihat pula kepada syarat penggunaan hukuman fizikal yang hendak dilaksanakan.

### **Syarat Penggunaan Hukuman Fizikal**

Berdasarkan hadis ini dan hadis-hadis yang lain, terdapat banyak peraturan yang telah diketengahkan oleh para ulama Islam dalam menggunakan hukuman fizikal ini. Secara ringkas, peraturan penggunaan hukuman fizikal ini terdiri daripada perkara berikut, iaitu syarat umur, syarat peralatan, syarat tempat memukul, dan syarat memukul.

#### **Syarat Umur**

Berdasarkan hadis Abu Dawud dan Ahmad sebelum ini (Abu Dawud, 1994: 418; Ahmad, 1994: 6402), ulama Islam menetapkan bahawa syarat untuk memberi hukuman berbentuk fizikal hendaklah bermula ketika anak berumur sepuluh tahun (Sawir, 1999: 193; Dimas, 1999: 123). Menurut 'Abd al-Rahman (2007), berdasarkan hadis bahawa hukuman dikenakan hanya apabila anak sudah mencapai sepuluh tahun atas kesalahan meninggalkan solat. Sedangkan solat ini merupakan amalan Islam yang paling penting selepas shahadah. Maka, dalam hal-hal yang melibatkan kesalahan yang lebih rendah daripada meninggalkan solat, seperti melibatkan kerosakan sahsiah, pelanggaran disiplin dan syariat yang lain, hukuman dalam bentuk fizikal ini lebih-lebih lagi tidak dibenarkan dalam Islam sebelum umur anak mencapai sepuluh tahun (Sawir, 1999).

Pada pandangan penulis, syarat umur ini berkait rapat dengan tahap kefahaman anak terhadap sebab musabab mereka dikenakan hukuman. Pada tahap ini, anak sudah boleh memahami tujuan dan matlamat mereka dikenakan hukuman dan jika hukuman yang dikenakan itu setimpal dengan kesalahan mereka dan selari tujuan pembangunan dan kebaikan untuk diri mereka, maka mereka dapat menerima dengan hati yang terbuka. Jika, matlamat daripada pembangunan sahsiah ini dapat difahami melalui tindakan ibu bapa dan pendidik mengenakan hukuman fizikal, ini sudah dianggap satu kejayaan dalam pendidikan anak-anak. Namun, sebaliknya jika hukuman fizikal ini tidak dapat difahami tujuan dan matlamatnya, nescaya hukuman itu akan memberikan kesan yang lebih buruk dalam pendidikan anak-anak.

### Syarat Peralatan

Al-Amir (1990) dan Marsa (1998) menjelaskan bahawa syarat utama alat pemukul bukanlah daripada kawat besi atau sesuatu yang memberi kesan bahaya ke atas kulit anak. Menurut al-Amir (1990) lagi, sebaik-baik alat pemukul adalah terdiri daripada sesuatu yang boleh melentur dan tidak terlalu keras dan terlalu panjang. Alat yang terlalu keras dan panjang boleh mengakibatkan kesakitan yang melampau kepada anak-anak. ('Abd al-Rahman, 2007) menambah bahawa rotan atau cambuk yang digunakan jangan hujungnya pecah atau berangkai kerana terdapat larangan Rasulullah SAW padanya (Malik, 1991: 1769):

قَالَ مَالِكُ بْنُ أَنَسٍ، عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ، أَنَّ رَجُلًا اعْتَرَفَ عَلَى نَفْسِهِ بِالزَّيْنَةِ عَلَى عَهْدِ  
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَدَعَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِسَوْطٍ، فَأُتِيَ  
بِسَوْطٍ مَكْسُورٍ، فَقَالَ: فَوْقَ هَذَا، فَأُتِيَ بِسَوْطٍ جَدِيدٍ لَمْ تُقَطَّعْ ثَمَرَتُهُ، فَقَالَ: بَيْنَ  
هَذَيْنِ فَأُتِيَ بِسَوْطٍ، قَدْ رُكِبَ بِهِ وَلَا نَ، فَأَمَرَ بِهِ فَجُلِدَ.

*Maksud: Imam Malik berkata daripada Zayd bin Aslam bahawa seorang lelaki mengaku sendiri telah melakukan zina ketika zaman Rasulullah SAW Kemudian Rasulullah SAW meminta cambuk. Lalu dibawakan kepada beliau cambuk yang terpecah hujungnya. Maka, Baginda SAW bersabda "Adakah cambuk yang lebih baik daripada cambuk ini?" Lalu dibawakan cambuk yang baru yang hujungnya masih keras. Kemudian Rasulullah SAW bersabda, "Carilah kualiti cambuk yang kurang daripada ini." Lalu diberikan satu cambuk yang diguna dan telah lembut hujungnya. Kemudian Rasulullah SAW menyuruh menggunakan cambuk itu untuk pelaksanaan hukum dan lelaki itu dipukul.*

(Malik)

Pada umumnya, rotan atau cambuk dalam keadaan pecah atau berangkai akan menyebabkan kesakitan yang melampau. Sebab itu, rotan atau cambuk begini dilarang digunakan dalam Islam.

Apabila menyebut tentang penggunaan alat, hanya rotan dan cambuk sahaja yang boleh digunakan. Sedangkan penggunaan tangan dengan menepuk dan menampar atau penggunaan kaki dengan menendang dan menyepak adalah langsung tidak boleh diterima dalam sistem Pendidikan Islam terhadap anak-anak mahupun orang lain (Dimas, 1999)(Dimas, 1990: 113). Begitu juga, apabila menyebut rotan atau cambuk sebagai alat, memukul anak dengan kasut, selipar dan batu juga dilarang sama sekali (Marsa, 1998: 114).

### Syarat Tempat Memukul

Syarat tempat memukul yang dilarang sama sekali adalah terdiri daripada kawasan yang sangat sensitif yang boleh mengakibatkan kecacatan, lumpuh dan hilang nyawa. Kawasan ini amat berkait rapat dengan bahagian kepala, muka, bahu, dada, perut dan kemaluan (Al-Amir, 1990: 42; 'Abd al-Rahman, 2007: 117; Dimas, 1999: 112; Marsa, 1998: 113). Hadis-hadis larangan kawasan ini ada dinyatakan antaranya (Muslim, 2001: 4728):



عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا قَاتَلَ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ فَلْيَجْتَنِبِ الْوَجْهَ وَعَنْ أَبِي الزِّنَادِ بِهَذَا الْإِسْنَادِ وَقَالَ إِذَا ضَرَبَ أَحَدُكُمْ.

*Maksud: Daripada Abu Hurairah RA katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Apabila seseorang kamu saling memerangi antara satu sama lain, maka elakkan kawasan muka." Dalam riwayat yang lain yang diriwayatkan oleh al-Zanad dengan isnad hadis ini juga menyatakan, "Apabila seseorang kamu memukul..."*

(Muslim)

Hadis ini menurut penulis juga dikiaskan di kawasan yang lain yang dianggap sensitif dan memberi kemudaratan kepada tubuh manusia seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Justeru, ahli pendidikan menjelaskan bahawa untuk memukul tempat pukulan janganlah di satu tempat sahaja, tetapi hendaklah beberapa tempat di bahagian tangan dan kaki (Al-Amir, 1990: 43-44).

### **Syarat Melaksanakan Hukuman Memukul**

Terdapat beberapa syarat dalam melaksanakan hukuman memukul iaitu pukulan hendaklah tidak lebih daripada sepuluh pukulan, sederhana kuat pukulan, tempoh perlakuan dan hukuman tidak terlalu jauh, mempunyai niat mendidik ketika melaksanakan hukuman, tidak mewakili kepada orang lain dalam melaksanakan hukuman, tidak menghalang anak daripada menangis ketika dan selepas hukuman, melupakan kesalahan anak yang telah menerima hukuman, dan menunjukkan bahawa hukuman tersebut dilaksanakan adalah untuk kebaikan anak.

Syarat pertama dalam memukul adalah tidak boleh lebih daripada sepuluh kali sebatan (Al-Amir, 1990: 43; Dimas, 1999: 114). Jumlah yang digalakkan pula adalah sebanyak tiga kali (Sawir, 1999: 194; Marsa, 1998: 114). Syarat ini sebagaimana larangan Rasulullah SAW dalam satu hadis yang menyatakan (Al-Bukhari, 1994: 6342):

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَقُولُ لَا يُجْلَدُ فَوْقَ عَشْرِ جَلَدَاتٍ إِلَّا فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ.

*Maksud: Daripada Abu Burdah RA katanya bahawa adalah Nabi SAW bersabda, "Jangan dipukul lebih daripada sepuluh kali pukulan melainkan dalam melaksanakan hudud yang ditetapkan oleh Allah SWT"*

(Al-Bukhari)

Selain daripada pukulan tidak lebih daripada sepuluh sebatan, sederhana dalam memukul juga merupakan pensyaratan dalam melaksanakan hukuman (Abd al-Rahman, 2007). Menurut Marsa (1998: 113) memukul anak hendaklah sedikit ibarat garam di dalam makanan yang tidak boleh lebih atau kurang dalam makanan. Jika lebih, makanan itu sudah tidak boleh dimakan. Manakala jika kurang akan mengurangkan keenakan makanan tersebut untuk dimakan. Begitu juga hendaklah pukulan kedua mestilah lebih ringan daripada

pukulan pertama dan seterusnya (Al-Amir, 1990: 43). Mengenai mengangkat tangan dengan ketinggian sehingga menampakkan ketiak, terdapat perbezaan pendapat bagi (Dimas, 1999: 115) dan (Marsa, 1998: 114). Tangan tidak sewajarnya diangkat tinggi sehingga menampakkan ketiak sebagai mengambil pengajaran daripada pandangan Sayidina Umar yang melarang mengangkat tangan ketika melaksanakan hukuman hudud. Namun mengikut Al-Amir (1990: 44) sewajarnya mengangkat tinggi tangan sehingga menampakkan ketiak. Namun kedua-dua pendidik bersepakat bahawa sama ada mengangkat tinggi atau tidak, tidak bermakna ibu bapa dan pendidik boleh memukul dengan kuat. Menurut (Marsa, 1998: 114) lagi adalah baik juga supaya antara satu pukulan dengan satu pukulan yang lain terdapat hentian untuk mengurangkan rasa sakit terhadap hukuman yang dilaksanakan.

Menghukum dalam waktu yang tidak terlalu jauh daripada masa perlakuan yang menyalahi syariat, adab dan sahsiah juga merupakan salah satu syarat pelaksanaan hukuman fizikal kepada anak-anak (Al-Amir, 1990: 43). Sebaik-baik hukuman dilaksanakan selepas sesuatu perlakuan itu dilakukan. Hal ini kerana jika hukuman terhadap kesalahan yang telah lama dilakukan dengan kadar satu atau dua hari berselang tidak membawa rasa bersalah anak terhadap kesalahan yang telah lama mereka lakukan.

Niat memukul adalah untuk mendidik anak agar berpegang teguh kepada keperibadian unggul, menurut syariat Allah SWT serta mengikut segala perintahnya dan bukannya semata-mata untuk menghukum sebagaimana sabda Rasulullah SAW (Ahmad, 1994: 21060):

عَنْ مُعَاذٍ قَالَ أَوْصَانِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ... وَأَنْفِقْ عَلَى عِيَالِكَ مِنْ طَوْلِكَ وَلَا تَرْفَعْ عَنْهُمْ عَصَاكَ أَدَبًا وَأَخْفُهُمْ فِي اللَّهِ.

*Maksud: Daripada Mu'az RA katanya Rasulullah SAW mewasiatkan kepadaku "... dan hendaklah engkau menafkahkan hartamu kepada ahli keluargamu mengikut kemampuanmu dan janganlah kamu mengangkat cemetimu kepada mereka untuk menakut-nakutkan mereka dalam rangka mendidik mereka akan tetapi takutkan mereka hanya kepada Allah SWT"*

(Ahmad)

Niat yang betul ketika melaksanakan hukuman fizikal ini akan menghasilkan tujuan yang betul sebaliknya niat yang semata-mata menghukum tidak akan membawa hukuman itu sebagai satu proses pendidikan. Satu hadis menjelaskan (Al-Bukhari, 1994: 6195; Muslim, 2001: 3530):

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مِمَّا نَوَى.

*Maksud: Daripada Umar ibn al-Khattab RA katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya setiap tindakan itu disertakan dengan niat, dan bahasanya setiap orang itu akan dapat berdasarkan apa yang diniatkannya."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis ini menunjukkan bahawa ibu atau bapa yang menghukum anaknya dengan niat untuk mendidik mereka, nescaya dia mendapat tujuan didikan itu terhadap pelaksanaan hukumannya itu. Sebaliknya sekiranya dia menghukum anaknya hanyalah sekadar untuk menakut-nakutkan anaknya sahaja, maka ketakutan sahajalah yang akan didapati pada anaknya. Namun pendidikan dalam membina sahsiah dan peribadi anak tidak akan terbina.

Syarat lain dalam melaksanakan hukuman juga termasuklah ibu bapa dan pendidik tidak mewakilkan kepada orang lain seperti kepada saudara mara atau kawan-kawan dalam menghukum anak yang membuat kesilapan agar tidak berlaku permusuhan antara anak tersebut dengan saudara mara atau dengan kawan-kawan ibu bapa atau pendidik (Dimas, 1999: 115; Al-Amir, 1990: 43). Selain itu, anak tidak boleh dihukum di hadapan orang yang disayangi supaya tidak menghasilkan pemberontakan dalam jiwa anak. Begitu juga seorang pendidik sewajarnya tidak memukul seorang anak yang di bawah didikannya dengan tujuan mempermalukannya di hadapan kawan-kawannya yang lain. Mempermalukan anak didik sebegitu mengakibatkan anak tersebut kalih malu daripada melakukan kesalahan demi kesalahan. Hal ini bermaksud tujuan untuk memalukannya sudah tidak tercapai kerana dia tidak lagi merasa malu dihukum di khalayak umum. Bahkan dalam sesetengah keadaan yang lebih teruk dia menganggap dirinya sebagai orang yang terkenal hebat kenakalannya di hadapan kawan-kawannya di sekolah (Marsa, 1998: 113).

Adalah menjadi kebiasaan seorang anak menangis semasa atau selepas hukuman rotan dilaksanakan. Oleh itu, bagi ibu bapa dan pendidik pula, janganlah mereka memarahi dan menghalang anak itu daripada menangis. Tangisan anak tersebut membantunya kepada membuang segala kebencian dalam hati dan mengurangkan tekanan perasaan anak tersebut.

Apabila ibu bapa dan pendidik telah melaksanakan hukuman terhadap anak-anak mereka perlu melupakan kesalahan anak tersebut dan tidak mengungkit kesalahan itu lagi pada masa yang lain. Hal ini sama juga dengan kesalahan hamba kepada Tuhan yang ditaubat. Kesalahan itu tidak boleh diingati dan diceritakan kepada orang lain.

Akhir sekali, hukuman yang dilaksanakan terhadap anak mestilah menunjukkan bahawa hukuman itu adalah untuk kepentingan dan maslahat mereka. Oleh itu, hukuman yang dijalankan mestilah disertakan dengan espresi muka yang menunjukkan ibu bapa dan pendidik itu sayang kepada anak tersebut dan menunjukkan kekesalan kerana terpaksa mengenakan hukuman tersebut kepada anak (Marsa, 1998: 114). Pada pandangan penulis, hukuman yang dijalankan hendaklah tidak datang daripada kedua-dua ibu bapa tetapi mestilah datang daripada salah seorang daripada keduanya. Hal inibertujuan supaya ibu atau bapa yang tidak menjalankan hukuman itu boleh memeluk anak dan berkongsi kesedihan dengan anak dan menjelaskan kepada anak itu sebab hukuman tersebut dikenakan kepada mereka. Dengan ini, anak tersebut ada tempat untuk berbincang dan meluahkan perasaan yang terbuku dalam hati mereka seterusnya menerima hukuman itu dengan hati yang terbuka.

## **RUMUSAN**

Secara ringkas penggunaan hukuman fizikal kepada anak-anak merupakan pilihan yang terakhir dalam ajaran Islam untuk mendidik anak-anak Islam. Walaupun begitu pilihan terakhir ini juga mempunyai pensyaratan yang ketat supaya matlamat terakhir dalam mendidik anak-anak melalui hukuman fizikal ini dapat dicapai. Kertas kerja ini telah membincangkan secara mendalam perkara yang berbangkit sebelum melaksanakan hukuman fizikal kepada anak-anak. Selain itu, syarat umur, peralatan, tempat dan kaedah juga

dibincangkan secara mendalam bagi memberi panduan kepada ibu bapa dan pendidik dalam menjalankan hukuman fizikal terhadap anak-anak mereka.

## RUJUKAN

- 'Abd al-Rahman, Jamal. 2007. *Atfal al-Muslimin: Kaifa Rabbahum al-Nabiyy al-Amin*. Beirut: Dar Tayyibah al-Hadra'.
- Abu Dawud, Sulaiman. 1994. *Sunan Abi Dawud*. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad, Hambal. 1994. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Jld. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Amir, Najib Khalid. 1990. *Min Asalib al-Rasul fi al-Tarbiyyah*. Kuwait: Maktabah al-Busyrh al-Islamiyyah.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 1994. *Sahih al-Bukhari*. 'Abd al-Aziz 'Abdullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1995. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Dimas, Muhammad Rashid. 1999. *Siyasah Tarbawiyah Khasi'ah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2007. *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Malik, Anas. 1991. *Muwatta' al-Imam Malik*. Taqy Al-Din Al-Nadwi (Ed.). Jld. 1-3. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Marsa, Muhammad Sa'id. 1998. *Fann Tarbiyyah fi al-Islam*. Jeddah: Maktabah al-Ma'mun.
- Muslim, Abu al-Husayn. 2001. *Sahih Muslim*. Jld. 1-2. Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Sawir, Muhammad Nur. 1999. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyah li al-Tifl ma'a Namadhuji Tatbiqiyah min Hayat al-Salaf al-Salih*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Utusan Malaysia, Online. 2004, 25.07.2007. Kes Bunuh Anak Disebut di Mahkamah Tinggi 4 Ogos. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_02.htm&arc=hive), [21.06.2008]
- Utusan Malaysia, Online. 2007a, 25.07.2007. 3,972 Kes Dera Kanak-kanak. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0725&pub=utusan\\_malaysia&sec=parlimen&pg=pa\\_03.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0725&pub=utusan_malaysia&sec=parlimen&pg=pa_03.htm&arc=hive), [21.06.2008]
- Utusan Malaysia, Online. 2007b, 16.07.2007. Dera Anak: Penarik Kereta Dipenjara 2 Tahun. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0716&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_02.htm&arc=hive), [21.06.2008]
- Utusan Malaysia, Online. 2007c, 11.07.2007. Ibu Dera Anak Dipenjara Lapan Tahun Tiga Bulan. *Utusan Malaysia*. Diakses dari

[http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0711&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_09.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2007&dt=0711&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_09.htm&arc=hive), [21.06.2008]  
Utusan Malaysia, Online. 2008, 01.01.2008. Pemandu Teksi Disyaki Dera Anak Direman 5 Hari. *Utusan Malaysia*. Diakses dari [http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0101&pub=utusan\\_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma\\_01.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/arkib.asp?y=2008&dt=0101&pub=utusan_malaysia&sec=mahkamah&pg=ma_01.htm&arc=hive), [21.06.2008]